



# **KENYATAAN MEDIA**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN KOMITED BANTU PELAJAR KE IPTA**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus komited membantu para pelajar yang akan memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan menyediakan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP). PTPTN telah menyediakan WPP dengan peruntukan berjumlah RM42.4 juta kepada seramai 28,278 pelajar yang telah berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA bagi kemasukan Sesi Oktober 2022.
2. WPP berjumlah RM1,500 bagi seorang pelajar diberikan kepada pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang telah membuat persetujuan menerima WPP melalui saluran yang ditetapkan oleh PTPTN dan ibu bapa atau penjaga pelajar merupakan penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) serta memenuhi kriteria yang ditetapkan. Semenjak WPP ini diperkenalkan pada tahun 1999 hingga 31 Ogos 2022, seramai 954,465 pelajar telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM1.41 bilion.
3. Tempoh sah laku WPP ini adalah selama dua (2) bulan bermula 5 Oktober 2022 hingga 5 Disember 2022. Pelajar-pelajar boleh menunaikan WPP ini di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mulai 5 Oktober 2022 dengan membawa surat tawaran WPP dan juga MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan). Pelajar boleh membuat semakan tawaran WPP mulai 5 Oktober 2022 lalu melalui portal rasmi PTPTN.
4. Pada 2 Oktober lalu, PTPTN turut menyantuni pelajar yang ditawarkan WPP melalui sesi ziarah ke rumah pelajar oleh YBhg. Dr. Apli bin Yusoff, Pengerusi PTPTN di kawasan Kuala Nerus, Terengganu. Semasa sesi ziarah, beliau telah menyampaikan surat tawaran WPP kepada pelajar yang layak.

5. Beliau berkata, “Inisiatif pemberian WPP PTPTN ini adalah untuk membantu menampung sebahagian perbelanjaan bagi persiapan awal pelajar baharu memasuki IPTA. Di Negeri Terengganu seramai 1,825 orang pelajar ditawarkan WPP dengan peruntukan berjumlah RM2.7 juta. Manakala, bagi kawasan Kuala Nerus pula, seramai 239 pelajar telah ditawarkan WPP melibatkan peruntukan berjumlah RM358,500. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha membantu ibu bapa dan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA sekali gus komited memastikan tiada pelajar yang tercicir ke IPTA.”

6. “Tahniah dan syabas kepada semua pelajar kerana berjaya melangkah ke menara gading. WPP PTPTN yang diterima oleh para pelajar ini haruslah digunakan dengan sebaik mungkin. Tunjukkanlah rasa syukur dan terima kasih dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi modal insan unggul kepada negara,” ujarnya lagi.

7. Untuk makluman, para pelajar yang telah membuat permohonan pinjaman PTPTN bagi tempoh 1 September 2022 hingga 30 September 2022 boleh membuat semakan kelulusan pinjaman mulai 11 Oktober 2022. Manakala, pelajar yang belum mengemukakan permohonan, boleh membuat permohonan tersebut secara dalam talian melalui portal rasmi PTPTN sehingga 31 Oktober 2022 bagi kelompok kedua untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan sewajarnya.

8. Para pelajar boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT masing-masing atau terus menghubungi PTPTN sekiranya terdapat sebarang pertanyaan. Maklumat lanjut berkenaan WPP dan pinjaman PTPTN boleh diperolehi melalui portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my). Pelajar juga boleh mendapatkan maklumat pinjaman dengan cepat, mudah dan selamat melalui aplikasi mudah alih myPTPTN.